

30 JUN 2003

Istiadat-Pelantikan (Bergambar)

CHAN KONG CHOY ANGKAT SUMPAAH MENTERI PENGANGKUTAN

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Chan Kong Choy hari ini mengangkat sumpah sebagai Menteri Pengangkutan yang baru di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara.

Dalam majlis yang sama, Datuk Fu Ah Kiow dan Datuk Donald Lim Siang Chai masing-masing mengangkat sumpah sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Timbalan Menteri Penerangan.

Fu menggantikan Datuk Dr Ng Yen Yen yang berpindah ke Kementerian Kewangan bagi menggantikan Chan sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

Fu sebelum ini memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri manakala, Lim pula sebelum ini memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan.

Di dalam istiadat itu, ketiga-tiga mereka turut mengangkat sumpah taat setia serta menyimpan rahsia.

Turut hadir di majlis itu adalah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri kabinet. Ia disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Hakim Negara Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim.

Istiadat mengangkat sumpah itu dilakukan berikutan daripada rombakan kecil kabinet yang diumumkan oleh Dr Mahathir pada 24 Jun lalu, ekoran daripada peletakan jawatan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pada 28 Mei.

Yang turut terlibat di dalam rombakan kecil itu adalah Presiden Parti Progresif Penduduk, Datuk M.Kayveas yang dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai Timbalan Menteri.

Anggota Parlimen Ipoh Barat, Datuk Ho Cheong Sing dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menggantikan Fu manakala Anggota Parlimen Arau Datuk Mastika Junaidah Husin pula dilantik sebagai Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

-- BERNAMA

NN KHY MAI